



GARIS PANDUAN PEMINDAHAN KREDIT SECARA MENDATAR

1. “Pemindahan Kredit Secara Mendatar” ertinya pemindahan kredit dari satu program ke program yang lain pada tahap pengajian yang sama dan mendapat kelulusan Fakulti. Permohonan pemindahan kredit secara mendatar yang boleh dipertimbangkan adalah seperti berikut:
 - a. antara dua (2) program yang berlainan di dalam UKM atau;
 - b. salah satu daripada program adalah program di luar UKM;
 - c. apabila pelajar bertukar universiti atau program/fakulti yang lain di UKM kecuali pelajar berstatus Gagal Berhenti (PGB);
 - d. apabila pelajar mengikuti pertukaran pelajar (program mobiliti) di luar negara.
2. Fakulti boleh menentukan sama ada pemindahan kredit tersebut adalah pemindahan kredit dengan gred atau pemindahan kredit tanpa gred berdasarkan persetujuan mesyuarat fakulti.
3. Syarat pemindahan kredit mendatar adalah seperti berikut:
 - i. Hasil pembelajaran dan/atau kandungan kursus yang dipadankan dalam kedua-dua program itu mestilah mempunyai persamaan tidak kurang daripada 80%;
 - ii. Pelajar yang hendak memindahkan kredit satu-satu kursus mestilah mendapat gred tidak kurang dari C
 - iii. Kredit yang dipohon hendaklah tidak melebihi lima (5) tahun dari tarikh permohonan.
 - iv. Kredit yang dipindahkan hendaklah daripada program yang mendapat akreditasi daripada MQA, badan profesional berautoriti atau agensi jaminan kualiti di negara berkenaan.
 - v. Tiada had pindah kredit tetapi pelajar adalah tertakluk kepada tempoh bermastautin minimum setahun atau 2 semester tidak termasuk semester intersesi di UKM.
4. **“Pemindahan Kredit Dengan Gred”** adalah bagi pelajar yang berada dalam sistem (pelajar yang masih dalam pengajian). Pemindahan Kredit Dengan Gred akan diberikan gred mengikut gred asal atau setara dengannya. Gred ini dikira dalam Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) dan ia diambil kira sebagai sebahagian dari Jumlah Kredit bagi tujuan pengijazahan.
5. **“Pemindahan Kredit Tanpa Gred”** adalah bagi pelajar yang telah keluar daripada sistem (pelajar yang telah tamat pengajian) atau telah mencapai tahap kompetensi dalam kursus berkenaan. Pemindahan Kredit Tanpa Gred akan diberikan gred **Pindah Kredit (PK)**. Gred PK diambil kira sebagai sebahagian dari jumlah kredit bagi tujuan pengijazahan tetapi tidak dikira dalam Purata Nilai Gred Semester dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK).
6. Borang permohonan untuk pemindahan kredit secara mendatar [Borang UKM/PPPS/B/P03/AK07/1 (Semakan 8)] boleh diperolehi melalui capaian di SMPweb pelajar. Borang ini perlu dikemukakan kepada fakulti dan / atau pusat yang menawarkan kursus berkenaan untuk diluluskan pemindahan mengikut program yang diikuti.

7. Pelajar perlu melampirkan borang ini bersama transkrip atau keputusan peperiksaan berkenaan dan mengikuti langkah-langkah berikut:
 - a. Resit bayaran wang proses sebanyak RM100.00 atas nama Bendahari UKM (bagi pelajar yang bertukar fakulti/program dalam Universiti dan pelajar UKM yang mengikuti pertukaran pelajar (program mobiliti) di luar negara, dikecualikan bayaran wang proses);
 - b. Telah disahkan untuk semakan;
 - c. Perlu dihantar ke fakulti/pusat terbabit selewat-lewatnya 2 minggu selepas keputusan diterima
 - d. Kelewatan pelajar mengemukakan keputusan akan memberi kesan kepada proses pengijazahan pelajar;
8. Permohonan pemindahan kredit hendaklah disahkan oleh Mesyuarat Fakulti setelah mendapat perakuan jawatankuasa khas yang ditetapkan.
9. Kursus yang telah diluluskan pemindahan kredit tidak boleh ditarik balik oleh pelajar.
10. Keputusan permohonan akan dimaklumkan terus kepada pelajar oleh Fakulti/Pusat yang meluluskan dan disalinkan kepada Pusat Pengurusan Akademik sebelum Mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa diadakan pada semester berkenaan.

Pusat Pengurusan Akademik
18-09-2020

CARTA ALIR PEMINDAHAN KREDIT MENDATAR

